

09 JAN 2001

Mahkamah-Anwar

SAMAN MALU: ANWAR AKAN KEMUKA RAYUAN KE MAHKAMAH PERSEKUTUAN

KUALA LUMPUR, 9 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini mengemukakan permohonan bagi mendapatkan kebenaran untuk merayu di Mahkamah Persekutuan berhubung keputusan Mahkamah Tinggi yang membatalkan saman malunya berjumlah RM100 juta terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Notis usul itu difailkan melalui Tetuan Karpal Singh & Co, firma guaman yang mewakili bekas timbalan perdana menteri itu di pejabat pendaftar Mahkamah Rayuan di sini pada pukul 3.30 petang tadi.

Permohonan itu dibuat selepas Mahkamah Rayuan pada 9 Dis lepas mengekalkan keputusan Hakim Datuk Dr R.K.Nathan yang telah membatalkan saman Anwar dengan kos pada 30 Ogos 1999.

Anwar yang memfailkan saman pada 25 Jan 1999, mendakwa Dr Mahathir telah berbohong dan berniat jahat semasa bercakap dengan wartawan tempatan dan asing dalam satu sidang berita yang diadakan di Jabatan Perdana Menteri dengan mendakwa beliau (Anwar) telah melakukan perbuatan yang tidak bermoral.

Selain ganti rugi, faedah dan kos, Anwar juga memohon injunksi untuk menghalang Dr Mahathir daripada terus mengulangi perkataan-perkataan itu.

Bagaimanapun, Dr Mahathir dalam pembelaannya menegaskan bahawa beliau mengucapkan perkataan-perkataan itu sebagai Perdana Menteri dengan perlindungan bersyarat.

Dalam satu kenyataan akhbar hari ini, peguam Karpal Singh berkata, satu permohonan akan dibuat bagi mendapatkan tarikh awal untuk mendengar kes itu.

-- BERNAMA

SBB AHH PR